



UNIVERSITI PUTRA MALAYSIA

***ADAB HUBUNGAN KEKELUARGAAN DALAM CERITA RAKYAT
MELAYU***

SITI FATIMAH BINTI MAMAT

FBMK 2021 53



ADAB HUBUNGAN KEKELUARGAAN DALAM CERITA RAKYAT MELAYU

Oleh

SITI FATIMAH BINTI MAMAT

Tesis ini dikemukakan kepada Sekolah Pengajian Siswazah, Universiti Putra Malaysia sebagai memenuhi keperluan untuk Ijazah Master Sastera

November 2019

Semua bahan yang terkandung dalam tesis ini, termasuk teks tanpa had, logo, ikon, gambar dan semua karya seni lain, adalah bahan hak cipta Universiti Putra Malaysia kecuali dinyatakan sebaliknya. Penggunaan mana-mana bahan yang terkandung dalam tesis ini dibenarkan untuk tujuan bukan komersial daripada pemegang hak cipta. Penggunaan komersil bahan hanya boleh dibuat dengan kebenaran bertulis terdahulu yang nyata daripada Universiti Putra Malaysia.

Hak cipta © Universiti Putra Malaysia

DEDIKASI

Dedikasi ini ditujukan khas buat insan-insan yang aku cintai,
Ayah dan ibuku
Mohd Mamat bin Ali dan Maina bt Che Nah,
adik-beradikku
Siti Asiah, Abdul Rahman, Umi Kalsum, Mohd Tarmizi dan Nurul Fatihah,

Malah dedikasi ini juga dituju kepada penyelia tesis
Dr Roslina Abu Bakar
dan ahli jawatankuasa penyelia tesis
Prof. Madya Dr Arbaie Sujud
yang sentiasa sabar dalam memberikan tunjuk ajar.

Untuk sahabat yang tersayang
Normaizatul Anis Ahmad
Tuan Nur Aisyah, Akalily Narmi, Nur Atikah, Nik Nurul Syahirah,
Terima kasih memberi kata-kata semangat yang tidak putus-putus,

Untuk
Mohd Firdaus Zainal Abidin
Terima kasih kerana sentiasa menyokong dan memberi dorongan untuk
menyiapkan tesis ini.

Terima kasih kepada semua.

Abstrak tesis yang dikemukakan kepada Senat Universiti Putra Malaysia
sebagai memenuhi keperluan untuk Ijazah Master Sastera

ADAB HUBUNGAN KEKELUARGAAN DALAM CERITA RAKYAT MELAYU

Oleh

SITI FATIMAH BINTI MAMAT

November 2019

Pengerusi : Roslina binti Abu Bakar, PhD
Fakulti : Bahasa Moden dan Komunikasi

Penyelidikan ini mengenai adab hubungan kekeluargaan dalam cerita rakyat Melayu. Masyarakat Melayu tradisi menjadikan cerita rakyat sebagai wahana hiburan dan menyampaikan nasihat dan pelajaran kepada masyarakat. Antaranya, mendidik individu dan masyarakat agar berperlakuan baik dan beradab dalam kehidupan seharian. Menurut R. O. Winstedt (1961: 139), cerita rakyat Melayu dianggap cerita yang penuh dengan unsur mitos dan tidak berpijak di bumi nyata. Sehubungan dengan itu, kajian ini membuktikan bahawa cerita rakyat Melayu sarat dengan nilai-nilai baik seperti elemen adab. Kajian ini mempunyai tiga objektif iaitu mengklasifikasikan adab dalam hubungan kekeluargaan berdasarkan cerita rakyat Melayu, kedua menganalisis adab dalam hubungan kekeluargaan berdasarkan cerita rakyat Melayu dan merumuskan adab dalam hubungan kekeluargaan berdasarkan cerita rakyat Melayu. Untuk mencapai objektif kajian, kajian ini mengaplikasi kaedah kualitatif iaitu kajian lapangan dan kajian kepustakaan. Di samping itu, kajian ini turut berlandaskan Kerangka Adab yang dikemukakan oleh Marwan Ibrahim Al-Kaysi (1986), yang mengandungi elemen hubungan kekeluargaan iaitu, adab anak terhadap ibu bapa, adab ibu bapa terhadap anak, adab isteri terhadap suami dan adab suami terhadap isteri. Hasilnya, kajian ini dapat membuktikan bahawa cerita rakyat Melayu sememangnya sarat dengan adab iaitu adab dalam hubungan kekeluargaan.

Kata kunci: Adab, Akhlak, Berbudhi Pekerti, Hubungan Kekeluargaan, Cerita Rakyat Melayu

Abstract of this thesis is presented to the Senate of University Putra Malaysia as a fulfilment of requirement for the Degree of Master of Arts

MANNER IN FAMILIAL RELATIONSHIPS IN MALAY FOLKLORE

By

SITI FATIMAH BINTI MAMAT

November 2019

Chair : Roslina binti Abu Bakar, PhD
Faculty : Modern Language and Communication

This research is focusing on the familial relationship that are found in classic Malay folktale. Traditional Malay communities made old folktales as an entertainment as well as delivering advice and moral education towards the community. Some of the values that were taught were educating individuals and the whole community to do good deeds and be respectful in their daily life. According to R. O. Winstedt (1961:139), Malay folktales are mainly based on myths and fantasy. Accordingly, this research will prove Malay folktales are full of good elements and moral values such as good manners. This research has three objectives which are classifying manners within familial relationship found in Malay folktales, analyse the manners in familial relationship found in Malay folktales, and finally, summarise the manners within familial relationship found in Malay Folktales. In order to achieve these research objectives, this research applies the qualitative methods which are field research and library research. In addition, this study was based on "*Kerangka Adab*" presented by Marwan Ibrahim Al-Kaysi (1986), which contains the elements of familial relationships, such as the respect and manners between children and their parents, as well as the respect and manners between husband and wife. Thus, this research has proven that Malay folktale are full of good moral values, namely manners and respect in familial relationship.

Keywords: Manners, Morals, Good Courses, Family Relationships, Malay Folklore

PENGHARGAAN

Dengan nama Allah yang Maha Pemurah lagi Maha penyayang

Alhamdulillah, setinggi penghargaan dan rasa terutang budi saya rakamkan buat Prof Madya Dr. Roslina binti Abu Bakar dan Prof Madya Dr. Arba'ie bin Sujud selaku penyelia yang telah banyak membimbing dan memberi perangsang serta semangat kepada saya sejak awal sehingga kajian ini dapat saya sempurnakan. Berkat kesungguhan beliau yang banyak menegur serta memberi tunjuk ajar dengan kesungguhan beliau akhirnya saya berjaya untuk menyiapkan kajian ini. Atas segala jasa, tugas dan masa yang telah dicurahkan itu, hanya Allah sahaja dapat membalasnya.

Buat Ayahanda dan bonda, Mamat bin Ali dan Maina Che Nah tanpa sokongan darimu tidaklah dapat anakanda menyiapkan tugas ini dengan sempurna, buat adik-adik kesayanganku terima kasih kerana banyak menyokong dan memberi semangat yang tidak putus-putus, buat rakan seperjuangan yang sentiasa membantu dan memberi dorongan. Sekalung penghargaan buat kalian.

Semoga jasa baik yang dilimpahkan mendapat nikmat yang berganda dari yang Maha Esa dan semoga kalian mendapat kebahagiaan di dunia dan akhirat. Akhirnya, segala yang sempurna itu datangnya dari Allah SWT jua dan segala kelemahan itu, lahirnya dari diri saya sendiri. Amin.

Sekian, terima kasih.

.

Tesis ini telah dikemukakan kepada Senat Universiti Putra Malaysia dan telah diterima sebagai memenuhi syarat keperluan untuk Ijazah Master Sastera. Ahli jawatankuasa penyeliaan adalah seperti berikut

Roslina binti Abu Bakar, PhD

Profesor Madya
Fakulti Bahasa Moden dan Komunikasi
Universiti Putra Malaysia
(Pengerusi)

Arba'ie bin Sujud, PhD

Profesor Madya
Fakulti Bahasa Moden dan Komunikasi
Universiti Putra Malaysia
(Ahli)

ZALILAH MOHD SHARIFF, PhD

Profesor dan Dekan
Sekolah Pengajian Siswazah
Universiti Putra Malaysia

Tarikh: 10 Jun 2021

Perakuan pelajar siswazah

Saya memperakui bahawa:

- Thesis ini adalah hasil kerja saya yang asli;
- setiap petikan, kutipan dan ilustrasi telah dinyatakan sumbernya dengan jelas;
- tesis ini tidak pernah dimajukan sebelum ini, dan tidak dimajukan serentak dengan ini, untuk ijazah lain sama ada di Universiti Putra Malaysia atau di institusi lain;
- hak milik intelek dan hakcipta tesis ini adalah hak milik mutlak Universiti Putra Malaysia, mengikut Kaedah-Kaedah Universiti Putra Malaysia (Penyelidikan) 2012;
- kebenaran bertulis daripada penyelia dan Pejabat Timbalan Naib Canselor (Penyelidikan dan Inovasi) hendaklah diperoleh sebelum tesis ini diterbitkan (dalam bentuk bertulis, cetakan atau elektronik) termasuk buku, jurnal, modul, prosiding, tulisan popular, kertas seminar, manuskrip, poster, laporan, nota kuliah, modul pembelajaran atau material lain seperti yang dinyatakan dalam Kaedah-Kaedah Universiti Putra Malaysia (Penyelidikan) 2012;
- tiada plagiat atau pemalsuan/fabrikasi data dalam tesis ini, dan intergriti ilmiah telah dipatuhi mengikut kaedah-Kaedah Universiti Putra Malaysia (Pengajian Siswazah) 2003 (Semakan 2012-2013) dan Kaedah-Kaedah Universiti Putra Malaysia (Penyelidikan) 2012. Tesis telah diimbaskan dengan perisian pengesanan plagiat.

Tandatangan: _____ Tarikh: _____

Nama dan No. Matrik.: Siti Fatimah binti Mamat, GS49310

Perakuan ahli jawatankuasa penyeliaan:

Dengan ini, diperakukan bahawa:

- penyelidikan dan penulisan thesis ini adalah di bawah seliaan kami;
- tanggungjawab penyeliaan sebagaimana yang dinyatakan dalam Kaedah-Kaedah Universiti Putra Malaysia (Pengajian Siswazah) 2003 (Semakan 2012-2013) telah dipatuhi.

Tandatangan: _____
Nama Pengerusi
Jawatankuasa
Penyeliaan: _____

Tandatangan: _____
Nama Ahli
Jawatankuasa
Penyeliaan: _____

SENARAI KANDUNGAN

	Muka Surat
ABSTRAK	i
ABSTRACT	ii
PENGHARGAAN	iii
PENGESAHAN	iv
PERAKUAN	vi
BAB	
1 PENDAHULUAN	1
1.1 Latar Belakang Kajian	1
1.2 Pernyataan Masalah	2
1.3 Persoalan Kajian	6
1.4 Objektif Kajian	7
1.5 Pendekatan Kajian/ Teori Konseptual	7
1.5.1 Kajian Kepustakaan	7
1.5.2 Kajian Lapangan	7
1.5.3 Teori Konseptual	9
1.6 Kepentingan Kajian	9
1.7 Batasan Kajian	10
1.7.1 Batasan Aspek Kajian	10
1.7.2 Batasan Bahan Kajian	10
1.7.3 Batasan Kaedah Kajian	10
1.7.4 Batasan Pemilihan Responden	11
1.7.5 Batasan Pemilihan Lokasi Kajian	11
1.7.6 Batasan Teori Konseptual	12
1.8 Definisi Konsep	12
1.8.1 Adab	12
1.8.2 Keluarga	14
1.8.3 Cerita Rakyat	15
1.9 Kesimpulan	16
2 SOROTAN KAJIAN	18
2.1 Pengenalan	18
2.2 Dapatan Kajian Lepas	18
2.3 Kesimpulan	25
3 METODOLOGI KAJIAN	27
3.1 Pengenalan	27
3.2 Tatacara Penyelidikan	28
3.2.1 Sebelum Kajian	28
3.2.2 Semasa Kajian	28
3.2.3 Sesudah Kajian	28
3.3 Pemilihan Lokasi Kajian dan Informan	29
3.3.1 Latar Belakang Responden	29
3.3.2 Rakaman	31

3.3.3.	Transkripsi	32
3.3.4	Kesimpulan	32
3.4	Kerangka Adab berasaskan Pemikiran Marwan Ibrahim Al-Kaysi (1986)	32
3.4.1.	Ciri Adab Islam: Menyeluruh dan Berakhlak	33
3.4.2	Adab Hubungan Kekeluargaan	33
3.4.2.1	Adab Anak Terhadap Ibu Bapa berdasarkan Kerangka Adab oleh Marwan Ibrahim Al-Kaysi (1986)	34
3.4.2.2	Adab Ibu Bapa Terhadap Anak Berdasarkan Kerangka Adab oleh Marwan Ibrahim Al-Kaysi (1986)	34
3.4.2.3	Adab Suami Terhadap Isteri Berdasarkan Kerangka Adab oleh Marwan Ibrahim Al-Kaysi (1986)	35
3.4.2.4	Adab Isteri Terhadap Suami Berdasarkan Kerangka Adab oleh Marwan Ibrahim Al-Kaysi (1986)	35
3.5	Kesimpulan	36
4	ANALISIS ADAB HUBUNGAN KEKELUARGAAN DALAM CERITA RAKYAT MELAYU	37
4.1	Pengenalan	37
4.2	Menganalisis Adab dalam Hubungan Kekeluargaan Berdasarkan Cerita Rakyat Melayu Menurut Kerangka Adab oleh Marwan Ibrahim Al-Kaysi (1986).	39
4.2.1	Adab Anak Terhadap Ibu Bapa	39
4.2.1.1	Adab Berkomunikasi dengan Ibu Bapa	40
4.2.1.2	Tidak Memanggil Ibu Bapa dengan Sebutan Nama	41
4.2.1.3	Bercakap dengan Sopan Santun dan Lemah Lembut Ketika Berbicara dengan Ibu Bapa	43
4.2.1.4	Adab Taat Dan Patuh Terhadap Ibu Bapa	44
4.2.1.5	Adab Menjaga Kebajikan Ibu bapa	47
4.2.1.6	Adab Menjaga Kebajikan ibu bapa yang sakit dan uzur	47
4.2.2	Adab Ibu Bapa Terhadap Anak	49
4.2.2.1	Adab Berkomunikasi Dengan Anak	50
4.2.2.2	Adab Kesantunan Berbahasa ketika Bertutur dengan Anak	50
4.2.2.3	Adab Bersikap Adil Terhadap Anak	52
4.2.2.4	Adab Ibu Bapa Menjaga Kebajikan Anak	54
4.2.2.5	Adab Menjaga Kebajikan Makan dan Minum Anak	54

4.2.2.6	Adab Ibu Bapa Menjaga Kebajikan Tempat Tinggal Anak	56
4.2.2.7	Adab Ibu Bapa Memberi Pendidikan kepada Anak	57
4.2.3	Adab Isteri Terhadap Suami dalam Hubungan Kekeluargaan	59
4.2.3.1	Adab Isteri Berkomunikasi Terhadap Suami	60
4.2.3.2	Kesopanan Bahasa ketika Berbicara dengan Suami	61
4.2.3.3	Adab Mematuhi Peraturan Sebagai Isteri	63
4.2.3.4	Adab Taat dan Patuh Terhadap Suami	63
4.2.3.5	Adab Menjaga Kebajikan Suami	66
4.2.3.6	Adab Menjaga Kebajikan Makan dan Minum Suami	66
4.2.4	Adab Suami Terhadap Isteri	68
4.2.4.1	Adab Suami Berkomunikasi dengan Isteri	68
4.2.4.2	Adab Kesopanan Bahasa ketika Berbicara dengan Isteri.	69
4.2.4.3	Adab Menjaga Kebajikan Isteri	71
4.2.4.4	Kebajikan Memberi Kasih Sayang kepada Isteri.	72
4.2.4.5	Menjaga Kebajikan Keperluan Makan dan Minum Isteri	74
4.3	Kesimpulan	76
5	RUMUSAN DAN CADANGAN	77
5.1	Pengenalan	77
5.2	Rumusan	77
5.3	Cadangan	80
5.4	Kesimpulan	80
	RUJUKAN	82
	LAMPIRAN	87
	BIODATA PELAJAR	98
	SENARAI PENERBITAN	99

BAB 1

PENDAHULUAN

1.1 Latar Belakang Kajian

Cerita rakyat Melayu merupakan kesusasteraan Melayu klasik yang diperturunkan dari satu generasi ke generasi yang lain secara lisan dan berlegar dalam kalangan masyarakat Melayu primitif. Hal ini dapat dilihat berdasarkan pendapat yang dikemukakan oleh Liaw Yock Fang (1978: 1), yang menjelaskan bahawa kesusasteraan rakyat Melayu merupakan karya sastera yang hidup dalam kalangan rakyat dan dituturkan secara lisan oleh ibu kepada anaknya. Beliau juga turut membahagikan kategori sastera rakyat Melayu kepada beberapa bahagian iaitu cerita asal-usul, cerita binatang, cerita jenaka, dan cerita lipur lara.

Selain itu, cerita rakyat Melayu juga terkandung dalam kesusasteraan Melayu klasik seperti yang dijelaskan oleh Harun Jaafar (2002:14), iaitu sastera rakyat, epik, roman dan legenda merupakan karya kesusasteraan Melayu yang dapat digolongkan sebagai kesusasteraan Melayu klasik. Beliau juga menjelaskan bahawa kesusasteraan Melayu klasik sama ada di Barat atau Timur merupakan karya lampau yang bernilai tinggi dan berharga serta mendapat pengiktirafan masyarakat. Sehubungan dengan itu, jika diteliti dengan mendalam cerita rakyat Melayu adalah sebuah karya yang merupakan hasil perahan idea masyarakat primitif yang kebanyakannya tidak tahu membaca dan menulis namun mereka mencipta karya yang amat berharga dan merupakan khazanah masyarakat yang kekal sehingga ke hari ini.

Cerita rakyat Melayu mendapat pengiktirafan masyarakat kerana mengandungi unsur pendidikan dan pengajaran yang dapat membimbing pemikiran masyarakat Melayu ke arah perbuatan yang baik. Hal ini bertepatan dengan pendapat yang dikemukakan oleh Harun Jaafar (2002: 14), yang menyatakan bahawa cerita rakyat Melayu merupakan sebuah karya yang diiktiraf oleh masyarakat dan diakui kehebatannya. Sesebuah karya yang diiktiraf oleh masyarakat mempunyai kriteria tertentu sehingga karya tersebut amat istimewa untuk mendapat pengiktirafan. Maka tidak hairanlah cerita rakyat Melayu walaupun merupakan karya yang dianggap penuh dengan unsur yang tidak berpijak di bumi yang nyata tetapi sentiasa menjadi pilihan masyarakat kerana jalan ceritanya bukan sahaja menghiburkan malahan memberi nilai yang baik dan penuh dengan unsur pendidikan.

Namun begitu, pengaruh asing yang meresap masuk ke dalam masyarakat Melayu dalam segenap aspek kehidupan termasuk dalam kesusasteraan menyebabkan ramai golongan masyarakat kehilangan jati diri dan adab dalam diri mereka. Hal ini kerana, pengaruh asing yang meresap dalam segenap aspek

kehidupan masyarakat Melayu telah mengubah masyarakat secara keseluruhannya berdasarkan kelakuan dan sikap mereka yang cenderung kepada Barat. Hal ini dapat dilihat melalui pendapat yang dikemukakan oleh Adian Suhaimi (2006: 107), yang menjelaskan bahawa Barat berjaya membawa pengaruh yang amat hebat kepada dunia apatah lagi dengan pelbagai kemajuan teknologi telah dicapai yang telah diikuti oleh pelbagai peringkat masyarakat di dunia. Kemudian, para orientalis Barat juga telah menerapkan pemikiran, budaya dan keilmuan dalam kehidupan masyarakat Melayu. Sehubungan dengan itu, cerita rakyat Melayu merupakan satu alternatif penting orang Melayu untuk mendidik masyarakat Melayu agar tidak terpengaruh dengan unsur-unsur yang dibawa oleh orang Barat.

Justeru itu, cerita rakyat Melayu dilihat banyak memaparkan nilai yang baik seperti adab iaitu adab merupakan perbuatan baik dan digalakkan dalam Islam. Hal ini dapat dilihat melalui pendapat yang dikemukakan oleh Marwan Ibrahim Al-Kaysi (1986: 3) yang menyatakan bahawa adab merupakan tingkah laku yang baik yang diamalkan dalam Islam. Dalam hubungan kekeluargaan, adab yang amat ditekankan dalam Islam ialah adab anak terhadap ibu bapa, adab ibu bapa terhadap anak, adab suami terhadap isteri dan adab isteri terhadap suami. Sehubungan dengan itu, masyarakat Melayu menjadikan cerita rakyat Melayu sebagai wahana untuk memberi nasihat dan pengajaran serta memupuk nilai yang baik dalam kalangan masyarakat Melayu. Hal ini bertepatan dengan kenyataan yang dikemukakan oleh Roslina Abu Bakar (2014:1), yang menjelaskan bahawa dalam cerita rakyat Melayu terdapat sesuatu amanat yang ingin disampaikan oleh penuturnya. Amanat yang disampaikan itu mengandungi makna tersirat dan tersurat yang boleh difahami oleh masyarakat untuk dijadikan sebagai panduan dan iktibar dalam kehidupan.

Oleh hal yang demikian, cerita rakyat Melayu dilihat mempamerkan nilai yang berbentuk positif seperti nasihat, amanat, pengajaran, pendidikan dan teladan yang dapat membentuk sikap yang baik dalam diri seseorang itu. Hal ini kerana, sikap yang baik merupakan satu perbuatan yang boleh ditafsirkan sebagai adab yang menuntut pendengar agar tidak melakukan perbuatan yang tidak sepatutnya. Cerita rakyat Melayu memaparkan banyak watak yang mempunyai sikap yang baik seperti bersopan santun, hormat menghormati, sabar, dan sebagainya. Oleh kerana itu, cerita rakyat Melayu dijadikan sebagai alat pendidikan kepada masyarakat untuk mereka mengambil teladan dan iktibar untuk dijadikan sebagai panduan dalam segenap aspek kehidupan.

1.2 Pernyataan Masalah

Cerita rakyat Melayu merupakan cerita yang diperturunkan dari satu generasi ke generasi yang lain secara lisan. Penyampaiannya secara lisan telah menyebabkan berlakunya tokoh tambah terhadap cerita rakyat Melayu selari dengan perkembangan dan perubahan dalam masyarakat. Cerita rakyat Melayu memberi banyak faedah kepada masyarakat kerana terkandung pelbagai ilmu dan adab yang boleh dijadikan sebagai pengajaran dan teladan kepada masyarakat.

Oleh itu, masyarakat Melayu amat menghargai cerita rakyat Melayu kerana di samping menjadikan cerita tersebut sebagai hiburan, mereka juga dapat mengambil iktibar melalui kisah yang dipaparkan dalam cerita rakyat Melayu tersebut.

Mohd Taib Osman (1983: 182) yang menjelaskan bahawa walaupun Tanah Melayu mengalami pertembungan dengan pengaruh dan peradaban luar tetapi jati diri mereka terhadap kebudayaan sendiri tetap utuh. Hal ini dapat dilihat apabila pertembungan dengan peradaban asing memberi pengaruh kepada orang Melayu dipaparkan melalui hasil kesusasteraan Melayu lama. Hasil kesusasteraan Melayu lama mencerminkan sejarah masyarakat Melayu di zaman lampau seperti latar masyarakat, kebudayaan dan kelakuan dalam sehari-hari. Kesusasteraan Melayu lama yang dimaksudkan adalah cerita rakyat Melayu. Cerita rakyat Melayu bukan merupakan peninggalan purba semata-mata tetapi merupakan cerita yang mengandungi amanat dan pengajaran untuk disampaikan kepada masyarakat Melayu. Melalui pendapat yang dikemukakan oleh Mohd Taib Osman (1983), yang menjelaskan bahawa cerita rakyat Melayu masih lagi dapat dijadikan sebagai rujukan kerana ceritanya tidak dianggap sebagai peninggalan lama semata-mata. Cerita rakyat Melayu merupakan panduan untuk memahami dan mendalami kebudayaan masyarakat Melayu. Selain itu, cerita rakyat Melayu juga akan mengalami perubahan kebudayaan ekoran daripada perkembangan masa dan zaman. Hal ini membuktikan bahawa cerita rakyat Melayu bukan peninggalan lama tetapi merupakan cerita yang sentiasa berlegar dalam kalangan masyarakat dan sarat dengan nilai adab yang dapat dijadikan sebagai panduan oleh masyarakat Melayu.

Seterusnya, berdasarkan pendapat yang dikemukakan oleh Muhd Mansur Abdullah (1984), yang menjelaskan bahawa cerita rakyat Melayu dihasilkan oleh masyarakat Melayu tradisi dengan kreatif dan kritis kerana idea yang dihasilkan itu lahir daripada hati yang bersih. Sehubungan dengan itu, tidak dapat dinafikan bahawa hasil karya sastera yang dihasilkan oleh masyarakat Melayu tradisi mengandungi nilai yang tinggi dan mulia. Pernyataan ini dijelaskan oleh beliau seperti yang berikut iaitu:

“Kita tidak dapat mengakui yang hasil karya mereka ini amat luhur dan mengandungi nilai-nilai yang tinggi dan mulia sifatnya. Ini disebabkan apa yang mereka coretkan itu adalah pancaran seni dan lahirnya dari rohaniah yang kudus.”

(Muhd Mansur Abdullah, 1984: 7)

Selain itu, berdasarkan pendapat yang dikemukakan oleh Noriah Taslim (2007: 90-92), menjelaskan bahawa karya sastera yang mendidik tingkah laku, menajamkan intelek dan memantapkan rohani adalah karya adab (ketatanegaraan), karya hidayah dan karya sejarah. Beliau menjelaskan lagi bahawa, karya seperti ini walaupun mengandungi unsur cereka tetapi akarnya tetap berpaut kepada Al-Quran, buku ulama atau sirah para rawi yang sahih. Selain itu, beliau turut mengatakan bahawa cerita legenda adalah cerita yang

dapat menajamkan minda dan memantapkan rohani individu. Cerita legenda merupakan salah satu cerita yang terkandung dalam kategori cerita rakyat Melayu. Hal ini jelas menunjukkan bahawa cerita rakyat Melayu merupakan cerita yang dapat membimbing insan ke arah adab yang sempurna melalui cerita yang dipaparkan.

Namun begitu, terdapat pandangan para sarjana yang menyatakan bahawa cerita rakyat Melayu tidak mempunyai potensi nilai kerana penuh dengan unsur karut-marut, tidak berpijak pada bumi yang nyata, dan tidak berguna. Hal ini kerana, cerita rakyat Melayu dipengaruhi dengan kemasukan cerita rakyat dari India iaitu *Manimekalai* dalam Sumatra. Pendapat ini telah ditegaskan oleh Richard Winstedt (1961: 139) yang mengatakan bahawa cerita rakyat dari India mengandungi elemen-elemen seperti Hindu, magik dan sememangnya orang Melayu berada di bawah pengaruh agama Hindu. Hal ini dapat dilihat berdasarkan pernyataan beliau yang berikut iaitu:

“For a thousand years the Malay was under the influence of
Hinduized courts that was centres of Buddhism and Saivism,
Hindu magical science. Hindu art of Buddhism and literature”
(Richard Winstedt 1961: 139)

Kemudian, R.O. Winstedt (1961: 4) turut menganggap orang Melayu tidak memiliki nilai moral yang baik kerana mereka adalah bangsa yang dianggap sebagai pagan. Pagan yang dimaksudkan oleh Winstedt merujuk kepada masyarakat Melayu yang dianggap tidak beragama, kolot dan penuh dengan kehidupan yang mengamalkan perkara-perkara yang tidak berpijak di bumi yang nyata seperti kepercayaan kepada hantu, jin, roh, semangat dan sebagainya. Namun demikian jika dilihat dari kajian terdahulu, kenyataan ini sama sekali tidak relevan kerana cerita rakyat Melayu yang dipaparkan sarat dengan adab dalam segenap aspek kehidupan sama ada dari segi duniawi dan ukhrawi yang dapat dijadikan sebagai panduan kepada masyarakat Melayu. Menerusi pendapat yang dikemukakan oleh Wan Mohd Nor (2005: 117), yang menjelaskan bahawa penerapan adab dalam diri seseorang akan melahirkan insan yang beradab kerana insan tersebut berusaha untuk meningkatkan kualiti dalam kehidupan sama ada dari segi spiritual dan material serta rohani dan jasmani.

Mohd Taib Osman (1976:4), yang telah mengutarakan pendapat bahawa cerita rakyat Melayu adalah kesusasteraan lisan, seni tuturan atau kesusasteraan ekspresif yang merujuk kepada segala bentuk bahasa yang mengandungi seni susastera, iaitu yang bernilai estetik, mempunyai peranan sebagai panduan, petunjuk dan pengajaran yang dihasilkan oleh sesuatu kolektif atau rakyat, tidak terbatas kepada masyarakat Melayu desa, petani atau nelayan sahaja tetapi juga meliputi masyarakat yang sudah memiliki sistem tulisan. Hal ini menunjukkan bahawa cerita rakyat Melayu mengandungi nilai baik dalam semua aspek adab, akhlak, nilai, moral dan etika.

Menerusi pendapat yang dikemukakan oleh Roslina Abu Bakar (2013: 21), yang menjelaskan bahawa cerita rakyat Melayu dihasilkan melalui pengetahuan yang diperolehi daripada pemerhatian terhadap alam, gambaran masyarakat dan pengalaman-pengalaman. Pemerhatian tersebut secara tidak langsung mempengaruhi emosi, rohani dan intelek manusia sehingga menghasilkan karya seperti cerita rakyat Melayu yang bertujuan untuk mendidik dan memberi ilmu kepada masyarakat. Hal ini jelas menunjukkan bahawa, cerita rakyat Melayu merupakan cerita yang banyak memaparkan nilai yang baik ekoran daripada pemerhatian terhadap alam, masyarakat dan pengalaman-pengalaman. Walaupun perlu diakui bahawa cerita rakyat Melayu mengandungi unsur yang tidak berpijak di bumi yang nyata tetapi nilai yang baik seperti adab, etika, moral dan akhlak banyak dipaparkan dalam cerita rakyat Melayu seperti yang dibincangkan dalam kajian terdahulu.

Menerusi kajian terdahulu, dapat dilihat bahawa aspek yang disentuh dalam cerita rakyat Melayu tertumpu kepada akhlak dan etika dalam cerita rakyat Melayu. Cerita rakyat Melayu juga memperlihatkan bahawa aspek moral ditekankan supaya penyampaian cerita rakyat Melayu dapat memberi pendidikan dan panduan kepada masyarakat Melayu. Antaranya kajian oleh Kajian oleh Abdul Rani (2013) "Analisis Nilai-Nilai Akhlak Islam dalam Kumpulan Cerita Rakyat Anak Hantu", yang membincangkan nilai akhlak yang selaras dengan akhlak Islam antaranya ialah berdoa, solat, membaca Al-Quran, bertawakkal, bersyukur dan percaya kepada ketetapan Allah. Kemudian, kajian terdahulu juga memperlihatkan bahawa adab turut terkandung dalam cerita rakyat Melayu iaitu memfokuskan kepada adab Islam secara menyeluruh. Salah satunya ialah kajian oleh Efrizal A.S (2012) iaitu "Kajian Estetika dalam Cerita Rakyat Melayu Kuantan Riau Indonesia". Kajian ini membincangkan mengenai cerita rakyat Melayu *Kuan-Sing* yang memaparkan nilai-nilai adab seperti beriman kepada Allah SWT, bersopan santun, hormat-menghormati dan sebagainya. Hal ini membuktikan bahawa cerita rakyat Melayu adalah bertentangan dengan pendapat R.O Winstedt yang menafikan adanya nilai yang baik dalam cerita rakyat Melayu merangkumi adab, akhlak, etika dan moral.

Menerusi pendapat Mana Sikana telah membuat kesimpulan berdasarkan pendapat yang dikemukakan oleh R. O Winstedt tersebut iaitu beliau mengatakan bahawa untuk melemahkan masyarakat Melayu adalah dengan memberi anggapan bahawa cerita rakyat Melayu tidak mengandungi nilai ilmu. Pendapat Mana Sikana dapat dilihat sebagaimana yang berikut:

Pegawai kolonial itu tidak memiliki disiplin kesarjanaan. Mereka tidak mengaitkan atau mahu melihat bahawa sastera rakyat itu sebagai citra peradaban dan warisan mercu sesuatu bangsa. Malah mereka pun tidak terdidik dengan ilmu sastera. Mereka hanya sekadar mengumpul, dan apabila ada cerita yang boleh melemahkan jiwa anak jajahan, maka itulah yang diketengahkan.

(Mana Sikana, 2007: 2)

Berdasarkan petikan di atas, Mana Sikana (2007) yang menerangkan bahawa sarjana Barat sengaja mengetengahkan cerita yang mampu melemahkan pemikiran masyarakat Melayu dengan perkara merosakkan jiwa mereka. Hal ini kerana, pegawai kolonial enggan melihat sastera rakyat Melayu sebagai cerita yang mampu mencipta peradaban dalam sesebuah masyarakat. Hal ini sedemikian kerana, kolonial memiliki tujuan tertentu terhadap anak jajahan salah satunya adalah untuk mempengaruhi jiwa bangsa yang dijajah oleh mereka ke arah Barat. Penjelasan ini dapat dilihat melalui pendapat yang dikemukakan oleh Mana Sikana (2007: 2) yang menjelaskan bahawa orientalis menunjukkan minat untuk mengkaji sastera Melayu lama dengan mengumpul dan menerbitkan sastera rakyat kerana dorongan orientalisme.

Selain itu, berdasarkan pendapat yang dikemukakan oleh Frank Swettenham (1993: 17) yang menjelaskan bahawa masyarakat Melayu tidak mempunyai sistem atau dengan kata lain tidak mempunyai peraturan dalam segenap aspek kehidupan seharian. Frank Swettenham (1993: 19) juga menjelaskan bahawa masyarakat Melayu pada asalnya akan mengikuti adab yang menjadi kebiasaan masyarakat Melayu seperti membaca Al-Quran. Namun begitu, apabila meningkat dewasa mereka akan mula untuk mencari keseronokan, berkelakuan liar seperti orang muda di Barat, suka berbelanja besar, berjudi, berhutang dan melarikan isteri jirannya. Perlakuan masyarakat Melayu yang dikemukakan oleh beliau jelas bertentangan dengan adab dan pemikiran masyarakat Melayu.

Justeru, bertitik tolak daripada dua pendapat Sarjana Barat iaitu R.O Winstedt (1961) dan Frank Swettenham (1993), kajian ini akan dilakukan untuk menepis dakwaan kedua orientalis Barat tersebut yang menolak cerita rakyat Melayu mengandungi nilai ilmu dan adab. Dapatan kajian lepas juga menunjukkan bahawa cerita rakyat Melayu sememangnya memaparkan adab yang dapat dijadikan sebagai panduan dan bimbingan kepada masyarakat Melayu. Hal ini menunjukkan bahawa pemaparan adab dalam cerita rakyat bertentangan dengan pendapat kedua sarjana tersebut yang menafikan adab yang terkandung dalam cerita rakyat Melayu.

1.3 Persoalan Kajian

1. Apakah adab dalam hubungan kekeluargaan yang didapati berdasarkan cerita Rakyat Melayu?
2. Bagaimanakah adab dalam hubungan kekeluargaan dalam cerita Rakyat Melayu dapat diterapkan dalam kehidupan Masyarakat Melayu?
3. Adakah adab dalam hubungan kekeluargaan dapat dibuktikan berdasarkan cerita rakyat Melayu?

1.4 Objektif Kajian

Tujuan kajian ini dijalankan adalah bagi mencapai objektif-objektif yang berikut:

1. Mengklasifikasikan adab hubungan kekeluargaan dalam cerita rakyat Melayu.
2. Menganalisis adab hubungan kekeluargaan dalam cerita rakyat Melayu.
3. Merumuskan adab hubungan kekeluargaan dalam cerita rakyat Melayu.

1.5 Pendekatan Kajian/Teori Konseptual

Kajian ini dijalankan dengan menggunakan beberapa kaedah utama dalam kajian iaitu:

1.5.1 Kajian Kepustakaan

Kajian ini menggunakan kaedah kajian kepustakaan sebagai pendekatan kajian. Kajian kepustakaan merujuk kepada bahan-bahan bercetak seperti buku, jurnal, prosiding, majalah dan sebagainya. Tujuan kajian kepustakaan adalah untuk mendapatkan maklumat sebanyak mungkin mengenai kajian yang telah dilakukan oleh pengkaji-pengkaji lepas sama ada buku rujukan, jurnal-jurnal, majalah, prosiding, seminar dan tesis yang memfokuskan kepada adab yang terdapat dalam cerita rakyat Melayu. Zaman teknologi juga telah menggalakkan pengkaji untuk menjadikan teknologi maklumat sebagai alternatif untuk mendapatkan maklumat mengenai aspek dan bahan kajian bagi melengkapkan dan memantapkan kajian yang akan dilakukan. Selain itu, kajian kepustakaan dilakukan di beberapa buah perpustakaan iaitu perpustakaan Sultan Abdul Samad Universiti Putra Malaysia (UPM), Perpustakaan Tun Sri Lanang Universiti Kebangsaan Malaysia (UKM) dan Perpustakaan di Universiti Malaya (UM).

1.5.2 Kajian Lapangan

Kajian ini menggunakan kaedah kualitatif iaitu kajian lapangan. Terdapat beberapa langkah yang perlu dilakukan apabila hendak melaksanakan kajian lapangan antaranya ialah:

1. Temu bual atau wawancara

Temu bual atau wawancara merupakan satu alternatif yang berkesan untuk mendapat maklumat mengenai bahan yang akan dikaji. Berdasarkan kajian yang akan dilakukan oleh pengkaji iaitu mengenai adab dalam hubungan

kekeluargaan berdasarkan cerita rakyat Melayu, pengkaji menggunakan kaedah temu bual atau wawancara beberapa informan. Kaedah temu bual terdiri daripada dua jenis iaitu temu bual secara terarah dan temu bual secara tidak terarah. Namun begitu dalam kajian ini pengkaji akan menggunakan kedua kaedah tersebut.

2. Rakaman

Dalam kajian ini pengkaji akan merekodkan semua perkataan yang dituturkan oleh penutur melalui rakaman video. Rakaman video adalah salah satu cara yang berkesan untuk merekodkan bahan kajian. Dalam pengkaji merekodkan cerita rakyat Melayu untuk dijadikan sebagai bahan kajian. Rakaman video merupakan salah satu alternatif yang berkesan untuk memudahkan pengkaji menyalin dalam bentuk tulisan.

3. Pemerhatian

Pemerhatian merupakan salah satu maklumat tambahan kepada pengkaji selain mendapatkan bahan daripada informan. Antara maklumat yang dapat dijadikan sebagai tambahan oleh pengkaji adalah pemerhatian terhadap cara bertutur, pergerakan ketika berkomunikasi dan tingkah laku atau perlakuan ketika menyampaikan maklumat kepada pengkaji. Selain itu, pemerhatian juga melibatkan latar belakang informan dan masyarakat di sekelilingnya sama ada dari segi kebudayaan, keagamaan, pendidikan dan cara hidup. Sedikit sebanyak pemerhatian akan menjadi salah satu perkara yang dapat membantu pengkaji dalam kajian yang akan dilakukan nanti

4. Transkripsi

Transkripsi merupakan proses akhir dan kebiasaannya akan dilaksanakan selepas melakukan kaedah temu bual dan pemerhatian. Pada mulanya, pengkaji akan mengumpulkan bahan kajian dengan menemu bual atau mewawancara informan untuk mendapatkan cerita rakyat Melayu. Sebelum itu, pengkaji akan memilih dahulu jenis cerita rakyat yang akan dijadikan sebagai bahan kajian sebelum mendapatkan cerita tersebut daripada informan. Kemudian, apabila temu bual telah selesai pengkaji akan membuat saringan terhadap setiap bahan kajian tersebut untuk memilih bahan yang terbaik dan sesuai dengan aspek kajian. Akhirnya proses transkripsi akan dilakukan iaitu pengkaji akan merekodkan setiap perkataan yang dituturkan oleh informan. Kemudian setiap kata-kata yang dizahirkan oleh informan akan disalin dan diekspresikan dalam bentuk tulisan bagi memudahkan pengkaji untuk memasukkan bahan tersebut dalam bab analisis

1.5.3 Teori Konseptual

Kajian ini akan mengaplikasikan kerangka adab berasaskan pemikiran Marwan Ibrahim Al-Kaysi (1986). Marwan Ibrahim Al-Kaysi (1986) yang menggariskan beberapa elemen yang akan dijadikan sebagai panduan untuk mengukuh dan menguatkan lagi kajian yang akan dilakukan. Kajian ini akan menerapkan adab hubungan kekeluargaan iaitu adab anak terhadap ibu bapa, adab ibu bapa terhadap anak, adab isteri terhadap suami dan adab suami terhadap isteri.

1.6 Kepentingan Kajian

Kajian ini mempunyai beberapa kepentingan yang diharap dapat membantu dalam mengembangkan lagi kajian akan datang terutamanya mengenai cerita rakyat Melayu. Kepentingan kajian yang pertama adalah terhadap pengkaji lain terutamanya dalam bidang sastera. Kajian mengenai adab dalam hubungan kekeluargaan berdasarkan cerita rakyat Melayu dapat memberi nilai tambah terhadap kajian yang akan datang. Hal ini kerana, dalam kajian ini pengkaji hanya memfokuskan kepada adab dalam hubungan kekeluargaan tetapi pengkaji akan datang boleh meluaskan lagi kajian mengenai adab dari aspek yang lain yang ruang lingkupnya melibatkan adab.

Seterusnya, kajian ini akan dapat menepis dakwaan dan tanggapan salah masyarakat mengenai cerita rakyat Melayu yang selama ini hanya dianggap mempunyai elemen yang tidak membantu mengembangkan minda masyarakat iaitu cerita rakyat Melayu memaparkan unsur-unsur dongeng, mitos, legenda, perkara-perkara tahyul dan tidak berpijak di bumi yang nyata sedangkan jika kajian yang mendalam dan terperinci dilakukan terdapat banyak elemen yang dapat membentuk nilai-nilai dalam diri dalam masyarakat Melayu terutamanya dari segi peradaban masyarakat Melayu tersebut.

Selain itu, kepentingan kajian mengenai adab dalam hubungan kekeluargaan dalam cerita Melayu juga akan dapat memberi nilai tambah terhadap kajian kesusasteraan rakyat Melayu. Hal ini kerana, kajian mengenai adab hanya memfokuskan kepada sastera adab seperti *Bustanun Salatin* dan *Tajul Salatin* yang merupakan karya yang sarat dengan adab-adab yang digariskan oleh Islam. Sehubungan dengan itu, kajian mengenai adab dalam hubungan kekeluargaan berdasarkan cerita rakyat Melayu dengan lebih mendalam dan meluas akan memberi persepsi dan tanggapan yang berbeza mengenai cerita rakyat Melayu yang selama ini dianggap penuh dengan unsur mitos, khayalan, dongeng dan memaparkan perkara yang karut marut semata-mata.

1.7 Batasan Kajian

1.7.1 Batasan Aspek Kajian

Pengkaji akan membataskan kajian terhadap aspek adab. Aspek adab merangkumi adab dalam hubungan kekeluargaan, adab terhadap tetamu, adab ketika berkhotbah, adab belajar, adab makan, adab tidur, adab membaca Al-Quran, dan sebagainya. Namun begitu, kajian ini hanya akan memfokuskan kepada adab dalam hubungan kekeluargaan berdasarkan beberapa buah cerita rakyat Melayu terpilih. Kajian ini menumpukan kepada adab dalam hubungan kekeluargaan berdasarkan cerita rakyat Melayu kerana sejumlah kajian lepas menunjukkan bahawa kajian mengenai adab dalam cerita Melayu tidak dilakukan secara komprehensif. Adab dalam hubungan kekeluargaan terbahagi kepada beberapa bahagian iaitu “adab antara anak dan ibu bapa” dan “adab dalam hubungan suami isteri”. Adab terhadap ibu bapa melibatkan “adab anak terhadap ibu bapa” dan “adab ibu bapa kepada anak”. Begitu juga adab dalam hubungan suami isteri iaitu “adab suami terhadap isteri” dan “adab isteri terhadap suami.”

1.7.2 Batasan Bahan Kajian

Kajian ini menggunakan cerita rakyat Melayu sebagai bahan kajian. Pengkaji mengaplikasikan enam cerita rakyat Melayu terpilih yang mengandungi adab. Pada asalnya, cerita rakyat Melayu yang dipilih adalah sebanyak 13 cerita. Namun begitu, setelah pengkaji melakukan saringan terhadap 13 cerita tersebut, pengkaji mendapati bahawa lima cerita rakyat sahaja yang memenuhi kriteria seperti yang dinyatakan dalam jadual 12 dalam bahagian lampiran. Kriteria pemilihan cerita rakyat Melayu adalah berdasarkan kepada konsep yang dikemukakan oleh Marwan Ibrahim Al-Kaysi (1950). Antara cerita rakyat Melayu yang akan dijadikan sebagai bahan kajian adalah *Kisah Jalil*, *Batu Belah Batu Bertangkup*, *Kisah Syamsul Tadarrus*, *Kisah Pak Pandir* dan *Asal-Usul Hantu Mek Wa*.

1.7.3 Batasan Kaedah Kajian

Kajian ini akan menggunakan kaedah temu bual atau wawancara. Wawancara terbahagi kepada dua jenis iaitu wawancara terarah dan wawancara tidak terarah. Wawancara terarah merupakan wawancara yang akan disediakan terlebih dahulu soalan dalam susunan bentuk bertulis. Jawapannya juga akan dibatasi dengan cara yang relevan agar informan tidak menjawab soalan yang tidak berkaitan dengan pertanyaan. Manakala wawancara tidak terarah pula merupakan wawancara yang bersifat santai dan memberi informan kesempatan untuk memberikan jawapan tanpa had. Oleh hal yang demikian, pengkaji akan membataskan kaedah kajian iaitu dengan hanya menggunakan kaedah wawancara tidak terarah untuk mendapatkan bahan kajian kerana wawancara

secara tidak terarah akan memberi informan peluang untuk menyampaikan cerita tanpa tekanan dan paksaan.

1.7.4 Batasan Pemilihan Responden

Pengkaji akan menemu bual penutur yang akan memberikan maklumat atau bercerita mengenai cerita rakyat yang diinginkan oleh pengkaji. Penutur terbahagi kepada dua iaitu penutur profesional dan penutur amatir. Penutur profesional adalah penutur yang popular dan dikenali ramai serta mahir dalam bermain alat muzik. Setiap penutur profesional mempunyai nama tertentu dan berbeza dengan setiap negeri. Kebiasaannya penutur profesional dikenali sebagai penglipur lara, tok selampit, pawang ana, ana batin dan sebagainya. Manakala penutur amatir adalah penutur yang tidak mempunyai kepakaran dalam bercerita dan bukan penutur profesional tetapi penutur amatir ini mengetahui cerita rakyat Melayu melalui nenek moyang dan orang tua. Namun begitu, dalam kajian ini pengkaji menemu bual beberapa orang informan atau penutur amatir secara rawak untuk mendapatkan maklumat mengenai cerita rakyat Melayu.

1.7.5 Batasan Pemilihan Lokasi Kajian

Malaysia merupakan sebuah negara yang kaya dengan tradisi lisannya. Semua negeri memperlihatkan begitu banyak cerita rakyat yang dituturkan. Walaupun cerita yang tuturkan adalah sama tetapi setiap negeri mempunyai versi yang berlainan dan tidak sama. Sehubungan dengan itu, kajian mengenai adab dalam hubungan kekeluargaan berdasarkan cerita rakyat Melayu akan membataskan dari segi pemilihan tempat iaitu kajian ini akan memfokuskan kepada negeri Kelantan sahaja. Hal ini kerana terdapat kajian yang menunjukkan bahawa cerita rakyat Melayu di Kelantan menumpukan kepada hal yang tidak nyata atau dengan kata lain supernatural. Hal ini dapat dilihat menerusi kajian yang dilakukan oleh Wan Nor Jazmiza Wan Arifin dan Ramle Abdullah (2015), yang memperlihatkan mengenai unsur supernatural yang terdapat dalam cerita tradisional wayang kulit Kelantan. Kajian ini memperlihatkan bahawa negeri Kelantan memfokuskan kepada unsur luar biasa yang terdapat di dalam sebuah cerita yang disampaikan. Selain itu, kajian ini juga akan dijalankan di negeri Kelantan adalah terdapatnya kajian yang menumpukan kepada nilai yang terdapat dalam cerita rakyat Melayu. Misalnya, Atikah Mohd Noor et.al (2018) yang memfokuskan kepada nilai murni yang terdapat di dalam *Cerita Sang Kancil*. Kajian ini bertujuan untuk melihat nilai murni yang dapat membentuk akhlak yang mulia dalam diri kanak-kanak. Selain itu, kajian terdahulu juga menunjukkan bahawa kajian di Kelantan memfokuskan kepada cerita rakyat yang berasal dari Siam. Hal ini dapat dilihat menerusi kajian yang dilakukan oleh Mohamad Nazri Ahmad et al. (2010) yang memfokuskan kajian terhadap Repertoire Cerita Menora iaitu dokumentasi berasaskan cerita lisan masyarakat Siam di Kelantan. Kajian ini memperlihatkan mengenai cerita lisan Siam yang berkembang di Kelantan. Menora merupakan salah satu cerita lisan yang mempunyai pertautan yang rapat dengan Mak Yong. Sehubungan dengan itu,

jelaslah bahawa kajian yang dilakukan secara umum dan kurangnya kajian mengenai cerita rakyat Melayu di Kelantan menjadikan kerelevanan kajian ini dilakukan di negeri Kelantan.

1.7.6 Batasan Teori Konseptual

Kajian ini juga akan mengaplikasikan adab berasaskan kerangka pemikiran Marwan Ibrahim Al-Kaysi (1986) sebagai metodologi kajian. Adab berasaskan kerangka pemikiran Marwan Ibrahim Al-kaysi (1986). Dalam kajian ini pengkaji akan mengaplikasikan adab yang berkaitan dengan kajian sahaja iaitu adab hubungan kekeluargaan. Dalam hal ini, Marwan Ibrahim Al-Kaysi (1986) membahagikan adab hubungan kekeluargaan kepada beberapa elemen iaitu adab anak terhadap ibu bapa, adab ibu bapa terhadap anak, anak isteri terhadap suami dan adab suami terhadap isteri.

1.8 Definisi Konsep

Kajian ini akan membincangkan beberapa konsep yang berkaitan antaranya aspek **adab**, **keluarga** dan **cerita rakyat Melayu**.

1.8.1 “Adab”

Syed Muhammad Naquib Al-Attas (1996: 60) yang menjelaskan mengenai maksud “adab” dari segi bahasa iaitu perkataan “adab” berasal dari bahasa Arab iaitu *addaba-yu’addibu-ta’dib* yang telah diterjemahkan oleh beliau sebagai ‘mendidik’ atau ‘pendidikan’. Beliau juga mengambil perkataan dalam dengan merujuk kamus Al-Munjid dan *Al Kautsar* iaitu “adab” dikaitkan dengan akhlak yang bermaksud budi pekerti, perangai, tingkah laku atau tabiat sesuai dengan nilai-nilai agama Islam. Kemudian, beliau turut menyatakan bahawa dalam bahasa Yunani “adab” disamakan dengan kata *ethicos* atau *ethos* yang bermaksud kebiasaan, perasaan batin dan kecenderungan hati untuk melakukan perbuatan. Beberapa lama kemudian perkataan *Ethicos* telah berubah menjadi maksud etika.

Seterusnya, menurut Syed Muhammad Naquib Al-Attas (1996: 60) yang menjelaskan bahawa akar kata “adab” adalah berdasarkan dalam sebuah hadis Rasulullah SAW yang secara jelas menggunakan istilah adab untuk menerangkan tentang didikan Allah SWT yang merupakan sebaik-baik didikan yang telah diterima oleh Rasulullah SAW. Beliau menjelaskan lagi bahawa Rasulullah SAW mementingkan pendidikan kerana dengan pendidikan akan dapat melahirkan manusia yang beradab. Manakala secara istilah (*terminology*) beliau juga mendefinisi “adab” sebagai sesuatu pengenalan dan pengakuan yang secara beransur-ansur ditanam ke dalam jiwa manusia sekali gus dapat

membimbing manusia ke jalan yang benar bagi mencapai insan yang beradab atau adabi.

Perbincangan konsep “adab” ini juga telah dikemukakan oleh Harun Jaafar (2004: 31) yang menjelaskan perkataan adab diambil daripada bahasa Arab “adab”. Dalam bahasa Melayu “adab” berkait rapat dengan bahasa dan tingkah laku yang sopan. Dalam kehidupan biasa bahasa dijadikan kayu ukur kepada peradaban Melayu itu. Misalnya frasa “tidak reti bahasa” membawa konotasi biadab, jahil, mundur, liar, buas, kasar, tidak berpendidikan dan tidak tahu membawa membawa diri.

Manakala Abdullah Siddik (1980) pula telah mengaitkan adab sebagai satu dasar *Ahkam al-Syari’ati* iaitu salah satu garis panduan yang amat penting dalam kehidupan manusia. Menurut beliau *Ahkam al-Syari’ati* ialah “tatatertib” yang mesti dilakukan oleh umat manusia selama hidup di dunia, satu undang-undang Allah untuk umat manusia, yang sempurna, yang praktis, yang dapat dipakai untuk segala zaman dan yang dapat dilakukan oleh manusia sesuai dengan kemampuan dan keperluannya dalam masalah hidup.

“Adab” berdasarkan pendapat yang dikemukakan oleh Marwan Ibrahim al-Kaysi (1986:1), yang menyatakan bahawa “adab” merupakan istilah yang diambil daripada perkataan Arab yang memberi maksud kebiasaan. Beliau menegaskan lagi bahawa “adab” menggambarkan suatu kebiasaan budi pekerti perilaku diambil daripada orang yang dianggap sebagai contoh. Beliau juga menjelaskan bahawa adab membawa pengertian yang lebih meluas selepas kebangkitan Islam di mana istilah “adab” telah membawa implikasi tatasusila dan kemasyarakatan. “Adab” berdasarkan makna yang dinyatakan oleh beliau sama dengan perkataan Latin *urbanitas* yang bermaksud ketamadunan, peradaban dan pembersihan bandar sebagai kata lawan kepada ketidakteraturan masyarakat Badwi. Maka “adab” membawa maksud kelakuan baik dalam sesuatu perkara. Oleh hal yang demikian, kata “adab” Islam bererti tingkah laku baik yang diamalkan oleh umat Islam berpandukan kepada Al-Quran dan Al-Sunnah.

Seterusnya, Mohd. Affandi Hassan (1992: 2), beliau menjelaskan perkataan “adab” dari segi rohani merujuk kepada penyempurnaan dua tugas insan iaitu tugas sebagai manusia iaitu beribadat kepada Allah, dalam masa yang sama bermuamalah secara baik sesama makhluk. Keduanya ini menjadi asas pemberian tamadun Islam. Dalam hal ini beliau menggariskan bahawa dalam Islam, seseorang yang beradab adalah individu yang melaksanakan tugasnya sebagai insan iaitu Khalifah Allah dan beribadat kepada-Nya.

Kesimpulannya, “adab” merupakan tingkah laku yang berbudi pekerti mulia antaranya perlakuan ketika bertutur dengan orang yang lebih tua iaitu berbicara dengan lemah lembut dan sopan santun. Selain itu, adab juga merujuk kepada setiap perbuatan yang baik dan tidak bertentangan dengan nilai moral dalam diri

seseorang, contohnya menghormati orang yang lebih tua terutamanya ibu bapa iaitu tidak membantah setiap suruhannya. Selain itu, sebagai seorang isteri pula perlu beradab terhadap suami iaitu perlu menjaga kebajikan suami begitu juga sebaliknya. Hal ini jelas menunjukkan bahawa adab merupakan salah satu perlakuan yang murni dan tidak bertentangan dengan fitrah manusia yang terdorong ke arah perbuatan yang baik dan mulia.

1.8.2 Keluarga

Kemudian, pengertian “keluarga” berdasarkan pendapat yang dikemukakan oleh Ki Hajar Dewantara (2001: 176), menjelaskan bahawa “keluarga” berasal dari bahasa Jawa yang terbentuk dari dua kata iaitu *kawula* dan *warga*. Dalam bahasa Jawa kuno *kawula* bermaksud hamba dan *warga* pula bermaksud anggota. Justeru, perkataan tersebut membawa makna yang bermaksud keluarga yang mempunyai hubungan darah dan keturunan yang sama. Sehubungan dengan itu, berdasarkan pendapat tersebut jelas menunjukkan bahawa keluarga terdiri daripada entiti yang mengandungi hubungan darah yang rapat.

Seterusnya, berdasarkan pandangan yang dikemukakan oleh Syeikh Atiyah Saqar (2004: 74) beliau menjelaskan bahawa institusi kekeluargaan terdiri daripada seorang manusia iaitu Adam dan isterinya Hawa melalui kepercayaan agama samawi iaitu sama ada Muslim, Kristian dan Yahudi. Beliau juga menjelaskan bahawa “keluarga” terbentuk melalui perintah oleh Allah SWT yakni apabila Allah SWT menciptakan Adam terlebih dahulu dan kemudian barulah diciptakan Hawa untuk dijadikan sebagai teman. Oleh itu, pertemuan antara Adam dan Hawa telah menghasilkan generasi lelaki dan perempuan melalui ikatan perkahwinan yang menyebabkan berlakunya proses pertumbuhan anak yang ramai. Pertumbuhan yang semakin berkembang disebut sebagai sebuah institusi kekeluargaan.

Selain itu, Syeikh Atiyah Saqar (2004: 81) berpendapat bahawa dalam masyarakat Greece dan Rom lama, mereka memahami “keluarga” adalah terdiri daripada kerabat sama ada lelaki atau perempuan, hamba sahaya, mawla, dan para anak-anak angkat. Hubungan yang ada di antara mereka bukan hubungan darah semata-mata tetapi melibatkan hubungan yang mengiktiraf salah satu daripada anaknya. Berdasarkan pendapat yang dikemukakan oleh beliau jelas menunjukkan bahawa dalam masyarakat Greece dan Rom fahaman “keluarga” bagi mereka adalah luas. Mereka tidak hanya membataskan hubungan kekeluargaan berdasarkan hubungan darah semata-mata tetapi melibatkan keseluruhan lingkungan masyarakat umumnya.

Seterusnya, Paizah Ismail (2007: 32) memberi definisi yang lebih umum mengenai maksud “keluarga” iaitu beliau menjelaskan bahawa keluarga secara umumnya diuraikan sebagai satu kelompok individu yang hidup di bawah satu bumbung. Berdasarkan penjelasan beliau, dapat disimpulkan bahawa beliau

membandingkan sesuatu bangsa itu berada di bawah satu kelompok yang sama. Dalam konteks ini, jelas menunjukkan sesuatu bangsa adalah terdiri daripada berbagai-bagai golongan iaitu sama ada pemerintah atau rakyat, ketua dan pengikut, besar dan kecil, lelaki dan perempuan, pegawai dan pekerja dan sebagainya. Secara keseluruhannya, keluarga merupakan entiti yang terdiri daripada golongan seperti ibu bapa, anak, suami dan isteri.

Tuntasnya, maksud “keluarga” dapat didefinisikan sebagai hubungan yang mempunyai pertalian darah. Pertalian darah yang dimaksudkan adalah terhasil daripada hubungan atau ikatan perkahwinan yang dibina yang terdiri daripada suami, isteri, ibu, ayah, anak, adik-beradik, datuk, nenek, bapa saudara, ibu saudara, sepupu dan sebagainya. Hubungan tersebut adalah terikat dan tidak akan putus atau dengan kata lain hubungan tersebut utuh dan erat dalam kalangan ahli keluarga. Justeru, dalam Islam ikatan perkahwinan adalah untuk meramaikan ahli keluarga dan dapat mewujudkan suasana yang harmoni dan tenteram.

1.8.3 Cerita Rakyat

Berdasarkan pendapat yang dikemukakan oleh James Danandjaja (1986: 1) menjelaskan “cerita rakyat” adalah dari perkataan “folklor” dalam bahasa Indonesia yang mengambil kata daripada bahasa Inggeris iaitu *folklore*. Berdasarkan pendapat beliau, *folk* mempunyai maksud yang sama dengan kata (*collectivity*). Beliau yang kemudiannya mengambil pendapat yang dikemukakan oleh Alan Dundes yang mengatakan bahawa *folk* adalah sekelompok orang yang memiliki pengenalan fizik, sosial dan kebudayaan sehingga dapat dibezakan daripada kelompok-kelompok yang lain.

Seterusnya, Martha C. Sims & Martins Stephens (2005: 11) juga turut menjelaskan mengenai konsep “cerita rakyat” dengan mengambil pendapat yang telah diperkatakan oleh Jan Harold Brunvand (1978) seperti yang berikut:

“Folklore is the traditional, unofficial, non-institutional part of cultural. It uncompasses all knowledge, understanding, values, attitudes, assumptions, feelings and beliefs transmitted in traditional forms by word of mouth or by customary examples”

(Jan Harold Brunvand, 1978: 4)

Martha C. Sims & Martins Stephens (2005: 11) juga turut membincangkan secara jelas dan terperinci mengenai konsep “cerita rakyat” iaitu mereka menjelaskan bahawa “cerita rakyat” dapat didefinisikan sebagai sesuatu yang lama atau tua. Selain itu, cerita rakyat juga dimaksudkan sebagai sesuatu yang indah dan luar biasa. “Cerita rakyat” juga merupakan satu perkara yang dianggap tidak berfaedah kerana cerita yang disampaikan dianggap tidak benar dan mempunyai unsur karut-marut serta tidak berpijak di bumi yang nyata.

Kemudian, kedua tokoh itu juga menganggap bahawa “cerita rakyat” merupakan citra kehidupan masyarakat itu yang disampaikan untuk generasi yang seterusnya.

Seterusnya, Liaw Yock Fang (2013: 4) yang menjelaskan bahawa “cerita rakyat” merupakan cerita yang berada di tengah-tengah kehidupan sesuatu masyarakat itu. Hal ini dapat dilihat apabila cerita rakyat kebiasaannya akan disampaikan oleh ibu kepada anaknya yang berada di dalam buaian. Cerita rakyat juga disampaikan dari mulut ke mulut kepada masyarakat lainnya. Namun begitu, oleh kerana penyampaiannya adalah secara lisan maka beliau mengandaikan bahawa penutur yang menyampaikan cerita rakyat Melayu juga tidak tahu membaca dan menulis. Cerita rakyat Melayu disampaikan dari satu generasi ke generasi yang lain sehingga ke hari ini. Cerita rakyat juga adalah berbeza dengan cerita yang bertulis kerana penyampaiannya adalah secara lisan.

Konsep “cerita rakyat” juga telah dikemukakan oleh Fatimah Md. Yassin (2006: 150) yang menjelaskan bahawa cerita rakyat Melayu merupakan sebahagian daripada sastera rakyat. Cerita rakyat Melayu diperturunkan dari satu generasi ke generasi yang lain secara lisan. Beliau juga menyatakan lagi bahawa cerita rakyat Melayu amat unik dan mempunyai berbagai keistimewaannya kerana merupakan hasil kreatif golongan desa. Bukan sahaja itu, malah masyarakat Melayu primitif menghasilkan sesuatu karya adalah untuk memberi nasihat dan pendidikan walaupun secara tidak formal kepada ahli masyarakatnya di samping memberi hiburan kepada pendengar. Hal ini kerana, melalui cerita rakyat Melayu secara tidak langsung mereka dapat menerapkan nilai moral dan etika kepada kanak-kanak terutamanya.

Kesimpulan, “cerita rakyat” dapat didefinisikan sebagai cerita yang disampaikan secara lisan oleh penuturnya. Penyampaian secara lisan adalah untuk menarik khalayak dengan penceritaannya yang kreatif. Cerita rakyat yang disampaikan mengandungi elemen yang baik, yang dapat dijadikan sebagai panduan dan pendidikan kepada masyarakat. Justeru, cerita rakyat dapat memaparkan adab yang dapat mengawal tingkah laku dan perbuatan masyarakat supaya mereka beradab dan berakhlak baik dalam kehidupan. Cerita rakyat juga memaparkan citra kehidupan sesebuah masyarakat yang penuh dengan adab untuk dijadikan sebagai panduan dalam kehidupan seharian.

1.9 Kesimpulan

Cerita rakyat Melayu merupakan salah satu kesusasteraan rakyat Melayu yang penuh dengan nilai yang dapat memberi pendidikan dan pengajaran kepada masyarakat Melayu. Cerita rakyat Melayu turut memperlihatkan nilai adab yang dapat dijadikan panduan kepada masyarakat untuk diamalkan dalam kehidupan seharian. Pandangan negatif sarjana Barat terhadap cerita rakyat Melayu adalah ekoran kerana kajian yang dilakukan tidak mendalam dan tidak mendalami orang Melayu sepenuhnya. Cerita rakyat Melayu dilihat mempamerkan adab yang

merupakan salah satu aspek yang dilihat begitu jelas dicitrakan untuk memberi pendidikan dan panduan dalam kehidupan masyarakat Melayu.

RUJUKAN

- Abd. Rahman Hj. Abd. Aziz, Mohammad Zohir Ahmad @Shaari & Abdul Ghani Kanesan Abdullah. 2007. Nilai Moral dan Intelek Dalam Pantun Melayu: Kupasan Dari Aspek Perlambangan. *Dewan Pustaka* 7(1):7-12.
- Abdul Rani. 2013. *Analisis Nilai-nilai Akhlak Islamiah dalam Kumpulan Cerita Rakyat Anak Hantu*. Program Studi Pendidikan dan Sastra Indonesia dan Daerah. Pontianak: Universitas Tanjong Pura.
- Abdullah Sidek. 1980. *Islam dan Ilmu Pengetahuan*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Ayuni Mohamad Bakari & Rohaidah Kamaruddin. 2019. Prinsip Kesopanan dalam Kesantunan Bahasa Drama Zahira. *International Journal of the Malay World and Civilisation* 7(1): 15 – 26.
- Awang Sariyan. 2009. Peranan Bahasa Dalam Pembinaan Insan Dan Pembangunan Masyarakat Hadhari. *Jurnal Hadhari* (1): 1-29.
- Efrizal A.S. 2012. *Kajian Estetika Dalam Cerita Rakyat Melayu Kuantan Riau Indonesia*. Tesis Sarjana PhD: Universiti Malaya.
- Emeis M. G. 1976. *Bunga Rampai Melayu Kuno*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Fadillah Ismail. 2016. Faktor Keharmonian dan Keruntuhan Rumah Tangga. Prosiding Perkem ke-11: 394 – 399.
- Fatimah Md. Yassin. 2006. *Cerita Rakyat sebagai Alat Pendidikan Satu Analisa Isi yang Bercorak Etika*. Kuala Lumpur: Jabatan Kebudayaan dan Kesenian Negara.
- Frank Swettenham. 2003. *Perihal Orang Melayu*. (Terj.) Zubaidah Ibrahim. Kuala Lumpur: Penerbit Universiti Malaya.
- Haji Johari Haji Alias. 1997. *Menunaikan Kewajipan dan Tanggungjawab*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Harun Mat Piah. 2003. *Sastera Rakyat Malaysia, Indonesia, Negara Brunei Darussalam: Satu Perbandingan*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Harun Jaafar. 2004. *Ikhtisar Kebudayaan dan Prosa Melayu Klasik*. Tanjong Malim: Penerbit Universiti Sultan Idris.
- Harun Jaafar. 2002. *Kesusasteraan Melayu Klasik*. Tanjong Malim: Penerbit Universiti Sultan Idris.

- James Danandjaja. 1986. *Folktales from Indonesia*. Jakarta: Pustaka Gratiplies.
- Judith Djamour. 1979. *Kekeluargaan dan Perkahwinan Orang Singapura*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Jumali Hj Selamat, Khaidzir Hj Ismail & Shaharuddin Hj Ahmad. 2012. *Komunikasi Berkesan Aplikasi Untuk Remaja*. Bangi: Penerbit Universiti Kebangsaan Malaysia.
- Kalsom Noh. 2019. Asal Usul Hantu Mek Wa. 20 April.
- _____. 2019. Batu Belah Batu Bertangkup. 20 April.
- _____. 2019. Kisah Pak Pandir. Pasir Puteh, 20 April.
- Liaw Yock Fang. 2013. *The Classical Malay Literature*. (Terj.) Razif Bahari & Harry Aveling. Jakarta: Yayasan Pustaka Obor.
- Liaw Yock Fang. 1978. *Sejarah Kesusasteraan Melayu Klasik*. Singapura: Pustaka Nasional.
- Majid Khadduri. 1994. *Konsep Keadilan Dalam Islam*. (Terj.) Norliza Tarmeze & Mostafa Kamal Mokhtar Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Mamat Ali. 2017. Kisah Jalil. Jeli, Temu bual, 15 Oktober.
- Martha C. Sims & Martine Stephens. 2005. *Living Folklore: An Introduction to the Study of People and Their Traditions*. Logan Utah: Utah State University Press.
- Mana Sikana. 2007. *Teras Melayu Tradisional*. Selangor: Terbitan Pustaka Raya.
- Marwan Ibrahim Al-Kaysi. 1986. *Morals and Manners in Islam: A Guide to Islamic Adab*. United Kingdom: Islamic Foundation.
- Marwan Ibrahim Al-Kaysi. (Peny.) Hussin Salamon & Mohd Nasir Ripin. 1997. *Adab Sopan dan Budi Pekerti dalam Islam*. (Terj.) Hussin Salamon dan Mohd Nasir Ripin. Skudai: Universiti Teknologi Malaysia.
- Mat Rofa Ismail. 2009. Ilmu Hikmah dalam Kajian Etnosains dan Etnomatematik Alam Penyelidikan Matematik (INSPEM). Universiti Putra Malaysia. 21 Julai.
- McHugh J.N. 1955. *Hantu Hantu: An Account of Ghost Belief in Modern Malaya*. Singapore.
- Mohd Adi Amzar Muhammad Nawawi. 2016. Pemanfaatan Fundamental Akhlak Islamiah Watak Protagonis Dalam Novel Ketika Cinta Bertasbih Karya Habiburrahman Elshirazy. *Jurnal Penyelidikan dan Inovasi*. 3(3): 21 – 44.

- Mohd Fahmi Ismail, Salmah Jan Noor Muhammad & Mohd Sharifudin Yusop. 2015. Cerita Rakyat Melayu: Suatu Analisis Pancaran Jati Diri Masyarakat Melayu sebagai Cerminan Kebudayaan Melayu. *International Journal of Language Education and Applied Linguistics*. 03: 91-100.
- Mohd Firdaus Che Yaacob, Nasirin Abdillah, Muhammad Izani Ab. Ghani, Shahariah Norain Shahrudin, & Siti Nur Anis Muhammad Apandi. 2017. Cerminan Moral Positif dalam Cerita-cerita Rakyat Melayu. *International Journal of Language Education and Applied Linguistics*. 35-44.
- Mohd Firdaus Che Yaacob & Normaliza Abd. Rahim. 2014. Cerita Rakyat Membentuk Moral Positif Kanak-Kanak Melalui Nilai-Nilai Murni. *Jurnal of Business and Social Development* 2(2): 74-85.
- Mohd Rashid Md Idris. 2012. Nilai Kebijaksanaan Melayu dalam Pantun. *Ulum Islamiyyah Journal Universiti Sains Malaysia* (9): 3-18.
- Mohd Taib Osman. 1991. *Pengkajian Sastera Rakyat Bercorak Cerita*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Mohd Taib Osman. 1983. *Bunga Rampai Kebudayaan Melayu*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Mohd Yusof Md. Nor. 1989. *Intisari Sejarah Kesusasteraan Melayu Lama*. Petaling Jaya: Penerbit Fajar Bakti Sdn. Bhd.
- Mohd Yusof Hassan. 2012. *Minda Melayu Global*. Tanjung Malim: Penerbit Universiti Sultan Idris.
- Muhd Mansur Abdullah. 1984. *Kesusasteraan Melayu Klasik (Tumpuan Kepada Prosa)*. Kuala Lumpur: Tratra Publishing Sdn. Bhd.
- Muhd Norizam Jamian. 2012. *Kesusasteraan Melayu Tradisional dari Perspektif Adab: Satu Perbincangan Pemikiran Syed Muhammad Naquib Al-Attas*. Tesis Master: Universiti Kebangsaan Malaysia.
- Muhd Norizam Jamian & Shaiful Bahri Md Radzi. 2015. Kebijakan Insan Dalam Teks-Teks Hikayat Melayu Tradisional: Suatu Analisis Dari Perspektif Adab. Seminar bahasa, Sastera dan Budaya Melayu (SEBAHTERA V). 27 Oktober. Akademi Pengajian Melayu. Universiti Malaya. 1-19.
- Muhammad Uthman El-Muhammady. 2010. Hikmah Kebijakan Melayu Persidangan Pakar Melayu, Pusat Persidangan Antarabangsa, Brunei Darussalam. 26 Julai-1 Ogos.
- Nailah Abbas, Mohd Fauzi bin Hamat & Mohammad bin Seman. 2015. Pemikiran Akhlak Dalam Karya Prosa Sastera Arab Jahiliyah. *Jurnal Al-Muqaddimah*. 3(3): 13-38.

- Noor Fazidah Binti Mohd Ismail. 1997. *Pemikiran orang Melayu: Suatu Penilaian Berdasarkan peribahasa, Pantun dan Cerita Rakyat*. Kuala Lumpur: Akademi Pengajian Melayu. Universiti Malaya
- Noriah Taslim. 2007. Menyampaikan yang Indah dan Berfaedah. *Dewan Sastera* Oktober :90-92.
- Nor Asma Ab Aziz & Muhd Norizam Jamian. 2016. Akhlak Pemimpin Dalam Hikayat Iskandar Zulkarnain: Satu Analisis Pendekatan Adab. *Jurnal Melayu* 15 (1): 50-66.
- Othman Puteh & Aripin Said. 2011. *366 Cerita Rakyat Malaysia*. Kuala Lumpur: Utusan Publications & Distributors.
- Paizah Ismail. 2003. *Kekeluargaan Menurut al-Quran dan Al-Sunnah*. Kuala Lumpur: Penerbit Universiti Malaya.
- Rahman Abdul Ghani. 2007. *Kajian Cerita Rakyat Masyarakat Bajau Di Daerah Kota Belud Sabah*. Kuala Lumpur: Akademi Pengajian Melayu. Universiti Malaya.
- Rashidah Binti Mamat. 2002: *Kawalan Sosial Ke Atas Kanak-Kanak: Analisis Berdasarkan Cerita Rakyat*. Kuala Lumpur: Akademi Pengajian Melayu Universiti Malaya.
- Richard Winstead. 1969. *A History of Classical Malay Literature*. New York London: Oxford University Press.
- Roslina Abu Bakar. 2013. *Komunikasi Dua Hala Terancang Satu Aplikasi dalam Penyampaian Cerita Rakyat Melayu*. Bangi: Universiti Kebangsaan Malaysia.
- Roslina Abu Bakar. 2014. *Interaksi Sosial dalam Penyampaian Cerita Rakyat Melayu*. Serdang: Universiti Putra Malaysia.
- Salik Ahmad Ma'lum, al-Fikr al-Tarbawi & Khatib al-Bahgdadi. 1993. Damanhur: Maktabah Layyinah li al-Nasyr Wa Al-Tawzi.
- Susianti Aisah. 2015. Nilai-Nilai Sosial Yang Terkandung Dalam Cerita Rakyat "Ence Sulaiman" Pada Masyarakat Tomia. *Jurnal Humanika*. 15(3): 59-64.
- Sophia Roland Galang. 2002. *Sastera Rakyat: Satu Analisis Cerita-Cerita Rakyat Suku Kaum Bidayuh Daerah Kerian*. Akademi Pengajian Melayu. Universiti Malaya
- Syed Muhammad Naquib Al-Attas. 2002. *Makna Kebahagiaan Dan Pengalamannya Dalam Islam*. Kuala Lumpur: Institut Antarabangsa Pemikiran dan Tamadun Islam.

- Tengku Intan Marlina Tengku Mohd. Ali dan Salinah Ja'afar. 2012. Pemerkasaan Modal Insan: Pembentukan Sikap dan Akhlak Islamiah dalam Novel. *Jurnal Melayu* (9): 55-73.
- Wan Norhasniah Wan Husin. 2011. Budi Islam; It's Role In The Construction Of Malay Identity In Malaysia. *International Journal of Humanities and Social Science*. 1(12): 132-142.
- Wan Roslee bin Wan Abdul Aziz. 2007. *Cerita-cerita Rakyat Kelantan: Analisis Struktur Cerita*. Ijazah Sarjana. Kuala Lumpur: Akademi Pengajian Melayu. Universiti Malaya.
- Wan Mohd Nor Wan Daud. 2005. *Falsafah Dan Amalan Pendidikan Islam Syed M. Naquib Al-Attas: Suatu Huraian Konsep Asli Islamisasi*. Kuala Lumpur: Penerbit Universiti Malaya.
- Wan Mohd Nor Wan Daud. 1997. *Penjelasan Budaya Ilmu*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Winstedt R.O. 1961. *The Malays: A Cultural History*. London: Routledge & Kegan Paul Ltd.
- Zaitul Azma Zainon Hamzah, Ahmad Fuad Mat Hassan & Mohd Nur Hafizudin. 2014. Kesantunan Bahasa dalam Kalangan Remaja Sekolah Menengah. *Jurnal Bahasa* 8(7): 321-338.
- Zainodin Hamid. 2018. Kisah Syamsul Taddarus. Jeli, 20 September.
- Zahir bin Ahmad. 2005. Peranan Sastera Islam dalam Pembentukan Akhlak Penduduk Alam Melayu. *Jurnal Pengajian Melayu* (15): 254-265.
- Zakaria Stafa. 2012. Pendekatan Tasawuf dan Tarekat: Wadah Pemerkasaan Jati Diri Ummah. Bangi. Penerbit Universiti Kebangsaan Malaysia.
- Zurakintan Abdul Razak & Che Ibrahim Salleh. 2015. Pemikiran Melayu tentang Ilmu dan Adab dalam Puisi Melayu Tradisional. *International Journal of the Malay World and Civilisation* 3(2): 121-129.